

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek pembinaan dan pembaikan kompleks mahkamah tinggi yang lama di Georgetown, Pulau Pinang yang telah menjadi lama, usang dan tidak digunakan sejak beberapa tahun yang lalu.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yng Berhormat, Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang menempatkan lima (5) buah bilik Bicara Mahkamah Tinggi merupakan bangunan warisan yang telah dibina pada tahun 1809. Keadaan bangunan adalah terlalu uzur, mempunyai kerosakan pada struktur bumbung yang berlaku pada sistem kekuda bumbung dan kesan serangan anai-anai di setiap anggota struktur kayu bangunan. Bangunan juga tidak mencapai piawaian keselamatan minimum kerana sistem penyaman udara dan sistem pendawaian elektrik sering rosak dan bocor sehingga menimbulkan isu keselamatan ke atas pengguna. Sehubungan itu, bangunan ini telah mula dikosongkan pada **3 September 2018** atas arahan YAA Ketua Hakim Negara.

NO. SOALAN : 40

Susulan daripada keadaan bangunan yang memerlukan kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan semula bangunan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (dahulu dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi) telah meluluskan pelaksanaan Projek Menaik Taraf dan Pemuliharaan Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM14.7 juta di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) untuk dilaksanakan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). BHEUU telah melantik Jabatan Kerja Raya sebagai Agensi Pelaksana Projek dan projek ini dijangka akan dimulakan secara berfasa mulai tahun 2020 dan dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Pelaksanaan projek ini perlu dibuat dengan perancangan yang teliti dan teratur kerana ia merupakan bangunan warisan dan segala kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan bagi pemuliharaan bangunan warisan dan juga merujuk kepada peruntukan berkaitan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Sekian, terima kasih.